

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(V)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

20. Tabung Usahawan Tani (dahulunya Tabung Usahawan Tani Muda - TUTM) dengan had umur layak meminjam diperluaskan sehingga 60 tahun pada tahun 2018.
- (a) Sila senaraikan jumlah peminjam mengikut umur dan nilai pinjaman yang diluluskan sejak penubuhan tabung tersebut.
  - (b) Apakah kadar dan nilai pembayaran balik bagi pinjaman tabung tersebut setakat kini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Dibawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama PDC dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan kemudahan pinjaman yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani (TUT). Program ini diwujudkan untuk memberi dorongan kepada golongan usahawan tani yang berumur 60 tahun ke bawah untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi yang boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan. Jumlah pinjaman yang diberikan antara RM5,000.00 hingga RM6,000.00.
- (a) Berikut merupakan pecahan jumlah peminjam mengikut umur dan nilai pinjaman yang telah keluarkan dari 2015 sehingga 29 Februari 2020 (rujuk **LAMPIRAN A**).

- (b) Kadar pembayaran balik pinjaman bagi tabung usahawan tani dari 2015 sehingga 29 Februari 2020 adalah sebanyak 60% dengan nilai pembayaran balik yang diterima adalah sebanyak RM395,655.00.
- (i) Pecahan jumlah peminjam mengikut umur dan nilai pinjaman yang telah keluarkan dari 2015 sehingga 29 Februari 2020 adalah seperti berikut:-

<b>Pecahan Umur</b>	<b>Bilangan Peminjam</b>	<b>Jumlah Pinjaman (RM)</b>
18-30	81	452,000.00
31-40	55	311,000.00
41-50	15	75,000.00
51-60	5	25,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>156</b>	<b>863,000.00</b>

**LAMPIRAN A**

**JADUAL BAGI PECAHAN JUMLAH PEMINJAM MENGIKUT UMUR DAN NILAI PINJAMAN YANG TELAH KELUARKAN DARI 2015 SEHINGGA 29 FEBRUARI 2020**

<b>Pecahan Umur</b>	<b>Bilangan Peminjam</b>	<b>Jumlah Pinjaman RM</b>
18-30	81	452,000.00
31-40	55	311,000.00
41-50	15	75,000.00
51-60	5	25,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>156</b>	<b>863,000.00</b>